



23 NOV, 2022

TNB buat persiapan menyeluruh hadapi musim tengkujuh

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2



TNB buat persiapan menyeluruh hadapi musim tengkujuh

PETALING JAYA: Semua perkhidmatan teknikal Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah membuat persiapan menyeluruh menghadapi musim tengkujuh, termasuk melakukan pembaikan kepada beberapa infrastruktur kritikal miliknya yang terletak di kawasan berpotensi ditenggelami banjir.

Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, pada masa yang sama, kesemua empangan hidroelektrik TNB juga telah dipastikan berada dalam keadaan baik untuk terus berfungsi sebagai tebatan banjir.

"TNB telah memasang tembok penahan sistem perparitan di Pencawang Masuk Utama (PMU) dan meninggikan aras platform peralatannya, manakala set-set janakuasa bergerak serta janakuasa mudah alih dan perkakas kritikal seperti bot, telefon satelit dan lampu limpah ditempatkan di lokasi-lokasi strategik.

"Langkah-langkah lain adalah mengubah lokasi dan meningkatkan ketinggian menara penghantaran untuk memastikan tiada risiko menara tumbang," katanya dalam kenyataan.

Ujarnya, sebaik keadaan berjaga-jaga diperlukan, bilik gerakan TNB di negeri yang terdampak banjir akan diaktifkan untuk memantau keadaan dan menyalurkan maklumat terkini bekalan elektrik.